

16 FEB 1999

Mahathir-Jelas

MAHATHIR KATA LAWATANNYA KE SELURUH NEGARA PERLU UNTUK ATASI KEKELIRUAN

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri berkata beliau perlu menjelajah ke seluruh negara bagi menghilangkan kekeliruan di kalangan rakyat akibat propaganda yang terlalu kuat oleh pihak-pihak tertentu.

Beliau akan memulakan siri lawatan ke negeri-negeri selepas lawatan tiga hari ke Sabah mulai Khamis ini.

"Macam-macamlah cara (propaganda dilakukan), sampaikan tak pernah ada perutusan Tahun Baru Cina dari dalam penjara, pun ada juga, ini tak pernah berlaku."

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan daripada kebebasan bersuara untuk menimbulkan pelbagai isu yang mengelirukan rakyat.

"Nanti orang kata kita tak demokratik, tapi mereka menggunakan peluang sehabis-habisnya untuk mengelirukan rakyat.. jadi saya kena perjas," katanya selepas menghadiri jamuan tengah hari yang diberikan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding sempena Tahun Baru Cina di sini, hari ini.

Katanya siri penjelasan itu samalah dengan siri penjelasan yang pernah beliau berikan sebelum ini termasuk ketika negara dilanda kegawatan ekonomi.

"Saya yakin rakyat tidak mendapat maklumat sepenuhnya. Jadi saya akan gunakan peluang bertemu dengan rakyat untuk memberi penjelasan. Saya fikir sebagai seorang ahli politik, itu tugas saya," katanya.

Ketika ditanya sama ada kekeliruan yang sama dibangkitkan oleh para pelajar Malaysia yang beliau temui di London dalam lawatannya ke negara itu baru-baru ini, Dr Mahathir berkata para pelajar itu nampak terpengaruh dengan pergolakan di Indonesia kononnya kalau beliau mengundur diri, segala-galanya akan selesai.

"Ini bukan soal saya undur diri, maka segala-galanya akan selesai. Masalahnya ialah kita perlu berganding bahu untuk melawan segala usaha yang menggugat kestabilan negara kita," jelas beliau.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Umno ada membuat penerangan mengenai perkara itu, penerangan dan penjelasan tidak boleh terhenti di situ sahaja.

Penjelasan mengenai masalah itu memerlukan kerjasama semua pihak semaksimum yang mungkin.

Ketika diminta mengulas pandangan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat bahawa beliau seorang Perdana Menteri yang cerdik dan bijak tetapi tidak menggunakan kepandaiannya untuk Islam, Perdana Menteri berkata: "Nik Aziz tak faham antara sekularisme dan keagamaan".

"Sekularisme" mempunyai perbezaan maksud dalam Islam dan di Eropah, katanya.

Menurutnya perkataan itu wujud di Eropah kerana satu masa dahulu, kerajaan di Eropah dikuasai oleh gereja dan para pemimpinnya ketika itu berpendapat bahawa gereja patut dipisahkan daripada negara bagi mengelakkan kerajaan terus dipengaruhi gereja.

"Dalam Islam, segala perkara yang kita buat, termasuk dalam urusan agama. Kalau kita memerintah, itu urusan agama (kerana) kita belajar. Kita tak kata kita belajar benda yang sekular."

"Jadi, mereka terpengaruh dengan pemikiran barat. Perkataan sekular itu pun datang dari barat sebab itu tak ada langsung perkataan itu dalam Bahasa Melayu kerana pemikiran orang barat sekular itu boleh dibahagikan kepada kehidupan manusia di akhirat dan duniawi."

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, dalam Islam, segala tindakan mempunyai kaitan dengan agama.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut hadir, berkata Majlis Tertinggi Umno akan membuat keputusan mengenai keanggotaan panel peguam yang dibentuk untuk meneliti dan mengambil tindakan terhadap mereka yang membuat tuduhan liar dan palsu terhadap parti dan pemimpin.

Ditanya sama ada Umno sudah mengenalpasti peguam yang akan menganggotai panel itu, Abdullah, yang juga naib presiden parti, berkata ia belum dilakukan lagi.

"Pada waktu ini pun ini sudah ada tawaran (daripada peguam) untuk berkhidmat, jadi soal ini akan dikemukakan kepada Datuk Seri Presiden (Dr Mahathir) pada mesyuarat MT yang akan datang," katanya.

Penubuhan panel itu diumumkan oleh Abdullah pada 6 Feb lepas bagi mengambil tindakan terhadap pihak yang mengecam dan membuat tuduhan jahat terhadap parti, pemimpin dan kerajaan.

Jamuan tengah hari itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Abdullah Datin Seri Endon Mahmood, beberapa orang menteri Kabinet dan tokoh-tokoh perniagaan.

-- BERNAMA

RA HS RON